



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BANGUNAN GANTIAN BAHARU SK KUALA ABAI TINGKATKAN AKSES PENDIDIKAN DI KOTA BELUD

KOTA BELUD, 17 Julai – Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Gantian SK Kuala Abai pada hari ini.

Projek ini merangkumi pembinaan bangunan gantian baharu, blok pentadbiran, blok akademik dengan 12 bilik darjah, kantin, tandas dan kemudahan-kemudahan lain dengan kos keseluruhan berjumlah RM20 juta.

Menurut Fadhlina, "Kerajaan MADANI memberi tumpuan khusus kepada usaha untuk meningkatkan akses pendidikan terutamanya kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak menerusi pelaksanaan projek pembangunan semula sekolah daif".

Sehingga bulan Julai 2025, sebanyak 390 projek pembangunan semula sekolah daif diluluskan di Sabah dengan kos keseluruhan berjumlah lebih RM6 bilion. Sebanyak 59.7 peratus projek telah siap sepenuhnya, 16.4 peratus dalam pembinaan dan 23.8 peratus pada peringkat prabina.

Turut hadir pada majlis ini adalah Ahli Parlimen Kota Belud, Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy dan Ahli Dewan Undangan Negeri Usukan, Datuk Seri Panglima Mohd Salleh Tun Said Keruak.

-TAMAT-

Gambar boleh didapati dipautan berikut:

<https://drive.google.com/drive/folders/13CjI9xAG9bZzvTirpkEeiOKwC0J6DCY>